

16 JUN 1997

Mahathir-Kumpulan

D-8 TIDAK HARUS BERCAKAP SAHAJA, DR MAHATHIR

By: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 16 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kenyataannya semalam bahawa kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8) patut dibubarkan jika gagal mencapai matlamat dibuat sebagai peringatan kepada dirinya sendiri dan juga rakan-rakannya yang lain dalam kumpulan baru itu.

"Saya bercakap berterus-terang. Kita tidak mahu persidangan yang tidak mendatangkan apa-apa hasil. Kita tidak mahu cuma bercakap sahaja.

"Jadi (ucapannya) adalah sebagai memperingati diri saya dan juga semua ahli," kata Perdana Menteri kepada wartawan Malaysia di sini selepas berakhirnya sidang kemuncak pertama kumpulan itu semalam.

Oleh itu, katanya, berbeza dengan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), D-8 tidak menyentuh soal politik tetapi menumpukan kepada usaha pembangunan yang pragmatik.

Pada akhir ucapannya pada persidangan kemuncak itu, Dr Mahathir telah mengingatkan negara-negara anggota D-8 supaya menunjukkan hasil pada setiap tahun, dan jika tidak, "kita harus gulung tikar" daripada mengadakan mesyuarat-mesyuarat yang tidak bermakna.

Pada akhir ucapan itu, Dr Mahathir menerima tepukan gemuruh daripada hadirin termasuk beberapa pemimpin seperti Perdana Menteri Turki Necmettin Erbakan yang berdiri untuk bersalaman dengannya.

Dr Mahathir berkata beliau cuba menjelaskan dalam ucapannya itu mengenai pentingnya kerajaan di negara-negara membangun diberi peluang untuk mentadbir dengan stabil.

"Kerajaan yang dipilih oleh rakyat harus diberi peluang mentadbir dan bukannya dijatuhkan separuh jalan oleh tindakan-tindakan yang dianggap demokratik seperti mogok atau demonstrasi oleh segelintir aktivis yang menggunakan emosi untuk mengganggu pentadbiran," katanya.

Katanya, negara-negara membangun yang belum matang tidak wajar dipaksa mengamalkan demokrasi yang terlalu liberal sehinggakan "pilihan rakyat dapat dinafikan oleh institusi lain termasuk akhbar".

Dr Mahathir juga berkata kuasa-kuasa besar turut mengamalkan hegemoni dengan tidak memberi peluang kepada negara kecil membangun pesat dengan menggunakan senjata baru dalam bentuk sekatan serta mengaitkan soal sosial dengan dagangan.

"Ini merupakan hegemoni baru...secara tidak langsung mereka menjajah," kata Perdana Menteri.

Kepada sindiran kalangan tertentu bahawa D-8 akan bermakna "Disaster 8", Dr Mahathir berkata pihak seperti itu tidak pernah memberi galakan, sebaliknya suka memburuk-burukkan pihak lain.

"Dulu di Malaysia, mereka kata Malaysia akan hancur akibat permusuhan kaum. Kalau kita baca surat khabar mengenai Turki, kita dapati keadaan di sini begitu buruk sekali. Tetapi bila di sini, nampak biasa sahaja," katanya.

Politik di Turki kini dilaporkan bergolak ekoran kedudukan kerajaan campuran pimpinan Erbakan yang dikatakan lemah kerana tidak mendapat sokongan yang secukupnya di Parlimen.

Mengenai peranan Malaysia dalam D-8, Dr Mahathir berkata Malaysia mahu memperluaskan pengalaman kejayaannya seperti dalam bidang penswastaan.

Katanya, berbeza dengan keadaan di sesetengah negara maju, projek penswastaan di Malaysia mengambil kira nasib pekerja.

"Di Malaysia, pekerja akan meminta agar institusi mereka diswastakan.

Ini agak ganjil jika diceritakan kepada orang kerana di tempat lain, pekerja mereka akan menentang penswastaan kerana nasib mereka tidak terpelihara," katanya. -- BERNAMA

MOK NMO